




## BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 1 – 2 SEPTEMBER 2021

BIL. 35 / 2021



# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 2 September 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 1,506,273** atau 84.3 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **262,540 kes yang masih aktif**. Kes baharu dicatatkan sebanyak **20,988 kes** dan seterusnya menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **1,786,004 kes**. Sementara itu, **kes harian tertinggi** direkodkan pada 26 Ogos 2021 dengan **24,599 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **20,987 kes** daripada catatan harian dengan **87.8 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import hanya berjumlah 1 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **44.3 peratus**, Zon Selatan dan Wilayah Malaysia Timur masing-masing sebanyak 15.9 peratus, Zon Utara (14.8 peratus) dan Zon Pantai Timur (9.0 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan di **Selangor** iaitu **4,073 kes** disusuli Sarawak (2,992 kes), Kedah (2,455 kes), Sabah (2,329 kes), Johor (2,145 kes), Pulau Pinang (1,600 kes) dan Kelantan (1,247 kes). Sejumlah **17,191 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **249 kematian terbaru** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **393 kes** yang dicatatkan pada 26 Ogos 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 30 Ogos 2021 menunjukkan seramai **19,621,799** telah **divaksinasi bagi dos pertama**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **4,006,362** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 2,739,264. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Johor (2,102,791), Sarawak (1,852,072), Sabah (1,609,710), Perak (1,236,462) dan Pulau Pinang (1,142,164). Secara keseluruhannya, jumlah pendaftaran bagi program vaksinasi telah mencecah 21.38 juta orang.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
  - US: **Sentimen pengguna US menjunam ke tahap terendah dalam hampir sedekad pada bulan Ogos** apabila persepsi pengguna mengenai prospek kewangan peribadi mereka terus merosot kerana kenaikan pendapatan yang lebih kecil di tengah trend inflasi yang lebih

tinggi. University of Michigan menyatakan indeks sentimen pengguna turun kepada 70.3 pada Ogos - terendah sejak Disember 2011 - dari bacaan akhir Julai pada 81.2. (Reuters)

- US: **Perbelanjaan pengguna US perlahan pada bulan Julai** kerana penurunan dalam pembelian kenderaan bermotor akibat kekurangan bekalan, menyokong pandangan bahawa pertumbuhan ekonomi akan menjadi sederhana pada suku ketiga ketika jangkitan COVID-19 mulai meningkat kembali. (Reuters)
- EU: **Inflasi harga import Germany tertinggi pada Julai 2021 dalam tempoh 4 dekad.** Indeks harga import naik 15.0% tahun ke tahun selepas kenaikan 12.9% pada bulan Julai. Penganalisis ekonomi telah meramalkan kenaikan 13.6%. Kenaikan ini adalah yang paling tinggi sejak September 1971, ketika harga import meningkat 17.4%. (RTT)
- EU: **Keyakinan pengguna France pada bulan Ogos kekal tinggi** walaupun jangkitan COVID-19 terus meningkat dan peraturan baharu yang memerlukan pas kesihatan untuk memasuki kedai runcit. Agensi perangkaan rasmi INSEE menyatakan indeks keyakinan pengguna bulanan turun sedikit kepada 99 dari 100 pada bulan Julai. (Reuters)
- UK: **Tinjauan Lloyds Bank mendapati keyakinan perniagaan UK melonjak** ke tahap tertinggi dalam lebih dari empat tahun pada bulan Ogos 2021. Selain itu, pertumbuhan gaji adalah yang paling tinggi sejak 2018. (Reuters)
- Australia: **Jualan runcit jatuh untuk bulan kedua.** Penjualan runcit Australia merosot untuk bulan kedua berturut-turut pada bulan Julai ketika beberapa wilayah melaksanakan sekatan pergerakan berikutnya kes jangkitan COVID-19. Jualan runcit turun -2.7% bulan ke bulan. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Ekonomi negara pada setengah tahun kedua 2021 dijangka akan lebih mencabar terutamanya pada ST3 2021 tetapi dijangka bertumbuh secara sederhana pada ST4 2021.** Bagi keseluruhan tahun 2021, ekonomi dijangka berkembang antara 3.0 hingga 3.5 peratus.
2. **Unjuran kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi keseluruhan tahun 2021 disemak semula kepada antara 3.0 peratus hingga 4.0 peratus** seperti yang diumumkan Bank Negara Malaysia (BNM) pada 13 Ogos 2021. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan **ekonomi Malaysia pada tahun 2022 berkembang sebanyak 6.0 peratus**, manakala Bank Dunia pula sebanyak **5.0 peratus**, iaitu kembali kepada trend pertumbuhan KDNK tahunan dalam tempoh pra-pandemik.
3. **Pendapatan FBM KLCI 30 Bursa Malaysia dilaporkan merosot 6.9 peratus kepada RM18.9 bilion bagi suku tahun kedua 2021.** Sementara itu berdasarkan **tahun ke tahun, FBM KLCI telah meningkat 154.2 peratus** disebabkan oleh **kesan asas rendah sejak penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0** yang ketat pada ST2 2020.
4. Harga runcit **petrol RON95, RON97 serta diesel kekal**, masing-masing pada paras RM2.05, RM2.72 dan RM2.15 seliter, bagi tempoh bermula **esok hingga 8 September** ini. Kerajaan mengekalkan harga siling RON95 dan diesel **sungguhpun harga pasaran sebenar** bagi kedua-dua produk telah **meningkat, melebihi harga siling** yang ditetapkan.
5. **Minyak mentah Brent turun 4 sen** kepada AS \$71.59 setong. **Minyak mentah West Texas Intermediate (WTI) A.S. naik 9 sen** kepada AS \$68.59 setong. Walaupun kesan pandemik COVID-19 terus menimbulkan ketidakpastian, **asas pasaran telah menguat dan stok OECD terus jatuh** ketika pemulihannya semakin cepat.
6. Kementerian Kewangan (MoF) akan **sentiasa memantau pelaksanaan Belanjawan 2021 dan pakej** rangsangan serta bantuan menerusi Agensi Pelaksanaan Ekonomi Dan Koordinasi Strategik Nasional (LAKSANA). Fokus utama MoF adalah untuk **memastikan kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi**.
7. **Pembayaran Fasa 1 bagi Bantuan Khas COVID-19 (BKC)** akan dibuat secara berperingkat bagi penerima B40 dan M40 mulai **6 dan 9 September 2021.** Peruntukan melibatkan dana berjumlah **RM3.1 bilion** serta memanfaatkan 4.4 juta isi rumah, 1.1 juta warga emas yang bujang atau tiada pasangan dan 4.5 juta individu bujang.

8. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, **syarikat-syarikat mula bergerak ke arah transformasi digital** bagi mengembangkan perniagaan. Usaha ini dijangkakan akan **meningkatkan aktiviti perniagaan** di Malaysia sebanyak **54 peratus** pada tahun ini.
9. Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) dan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) mendapati **indeks aktiviti perniagaan bagi separuh kedua 2021 dijangka kekal perlahan** sebagaimana enam bulan pertama tahun ini.
10. **Carsome** mengukuhkan kedudukannya sebagai **syarikat pemula** (unicorn) **teknologi terbesar di Malaysia** selepas mengumumkan **penyelesaian dana pusingan 'Series D2' bernilai AS\$170 juta** dan menghasilkan **penilaian harga syarikat itu kepada AS\$1.3 bilion**.
11. **Peraturan terbaru** mengenai **tahap sulfur dioksida bagi pelepasan gas ekzos** daripada **enjin kapal** telah menyebabkan **gas asli cecair (LNG)** menjadi **alternative** berdaya maju berbanding bahan api tradisional, membawa kepada **peningkatan penggunaan kapal dwi bahan api**, yang seterusnya menjana permintaan bagi kapal pengisian bahan api LNG di seluruh dunia.
12. Pelanggan yang telah **lengkap menerima dua dos vaksin** sudah mula memilih untuk **dine-in**, namun mereka masih berhati-hati dengan menjadikan tempat duduk yang terbuka sebagai pilihan.
13. **Kehilangan pekerjaan** semasa pandemik COVID-19 mungkin **tidak dapat dipulihkan** apabila ekonomi dibuka semula, **walaupun penduduk divaksin sepenuhnya**. Ramai **majikan melaksanakan automasi dan kecerdasan buatan (AI)** di gudang, kedai runcit, pusat panggilan, dan kilang pembuatan untuk mengurangkan kepadatan tempat kerja dan memenuhi lonjakan permintaan. Justeru, **pekerjaan dalam penghantaran, pergudangan, dan pengangkutan dijangka meningkat ekoran pertumbuhan e-dagang**. Peralihan IR4.0 meningkatkan produktiviti, di samping memberi penjimatan kepada kos operasi antara 20 peratus hingga 50 peratus.
14. Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid berharap pembayaran **Bantuan Khas COVID-19 (BKC)** mampu **memberi kelegaan dan meringankan beban perbelanjaan dan kos sara hidup** kepada penerimanya. Pembayaran BKC akan bermula Isnin ini dan bakal memberi **manfaat kepada 7.61 juta penduduk luar bandar dengan sebahagian besarnya tergolong dalam kalangan miskin tegar, B40 dan M40**.

- 15. Harga aluminium mencecah paras tertinggi dalam lebih dari 10 tahun pada hari Selasa sehingga menimbulkan kebimbangan. Pada hari Isnin, Pemerintah di wilayah Guangxi China, sebuah pusat pengeluaran aluminium dan alumina, meminta **kawalan yang lebih ketat terhadap penggunaan tenaga** dilaksanakan.**
- 16. Celcom menawarkan **pakej hebat terbaharu** melalui tawaran **Pakej Peranti RM1 Malaysia Prihatin** yang memberikan **telefon pintar 4G pada harga RM1.****
- 17. Warga sekolah termasuk pelajar disarankan mengambil **suntikan vaksin** sebelum sesi **persekolahan dibuka Oktober ini** dalam usaha membendung jangkitan COVID-19.**
- 18. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih belum memuktamadkan keputusan untuk memberikan **vaksin kepada kanak-kanak bawah usia 12 tahun.****

<b>A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>Berita Harian</b> 1 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p><b>4 lokaliti di Sabah dikenakan PKPD</b></p> <p>Empat lokaliti di Sabah akan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) selama 14 hari bermula 3 September. Langkah itu diputuskan selepas meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19. PKPD akan dikenakan di Perumahan Pekerja Ladang Mayvin 2, Telupid; Kampung Tagaroh, Kota Marudu; kilang dan kuarters Kilang Papan Cargo Timber dekat Kampung Biah, Keningau serta Kampung Dumpiring Bawah dekat Ranau.</p>	<a href="https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/09/858732/4-lokaliti-di-sabah-dikenakan-pkpd">https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/09/858732/4-lokaliti-di-sabah-dikenakan-pkpd</a>
2.	<b>Awani</b> 1 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p><b>Aktivi perniagaan dijangka meningkat 54 peratus tahun ini - Tengku Zafrul</b></p> <p>Firma utama dalam pengurusan sumber tenaga manusia melaporkan bahawa aktiviti perniagaan di Malaysia akan meningkat 54 peratus tahun ini.</p> <p>Ini ekoran usaha syarikat-syarikat yang giat menggerakkan transformasi digital dalam perniagaan masing-masing.</p> <p>Bagi menyokong usaha ini, kerajaan memperuntukkan RM9.4 bilion dalam Belanjawan 2021 yang merangkumi sektor pendidikan, pekerjaan dan transformasi digital.</p>	<a href="https://www.astroawani.com/berita-bisnes/aktivi-perniagaan-dijangka-meningkat-54-peratus-tahun-ini-tengku-zafrul-317223">https://www.astroawani.com/berita-bisnes/aktivi-perniagaan-dijangka-meningkat-54-peratus-tahun-ini-tengku-zafrul-317223</a>

3.	<b>The Edge Market</b> 2 September 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Malaysia's manufacturing to be more challenging, says AmBank 2H21</b>  The country's manufacturing performance remained in the contraction region for the third consecutive month, though August reading of 43.4 showed a modest improvement from July.  This trend is well within expectation as manufacturers were impacted by uncertainties arising from COVID-19 cases and the measures taken, plus domestic challenges and external demand.	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-2h2021-manufacturing-be-more-challenging-says-ambank">https://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-2h2021-manufacturing-be-more-challenging-says-ambank</a>
----	--	---	---

Penemuan penting & isu:

1. Empat lokaliti di Sabah dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) selama 14 hari bermula 3 September. Lokaliti tersebut membabitkan daerah Telupid, Kota Marudu, Keningau dan Ranau.
2. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, syarikat-syarikat mula bergerak ke arah transformasi digital bagi mengembangkan perniagaan. Usaha ini dijangka akan meningkatkan aktiviti perniagaan di Malaysia sebanyak 54 peratus pada tahun ini.
3. Ekonomi negara pada setengah tahun kedua 2021 dijangka akan lebih mencabar terutamanya pada ST3 2021 tetapi dijangka bertumbuh secara sederhana pada ST4 2021. Bagi keseluruhan tahun 2021, ekonomi dijangka berkembang antara 3.0 hingga 3.5 peratus.

Maklumbalas Bahagian:

1. Peningkatan kes dan trend jangkitan COVID-19 yang meluas menyebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi mengekang penularan wabak tersebut. Pada tahun 2020, KDNK Sabah menyusut 9.5 peratus berbanding 0.7 peratus. Penyusutan ini dipengaruhi kemerosotan dalam semua sektor ekonomi yang mana sektor Perkhidmatan menguncup 7.4 peratus, diikuti sektor Perlombongan dan pengkuarian (-13.5%), sektor Pertanian (-6.6%), sektor Pembuatan (-6.5%) dan sektor Pembinaan (29.1%).

2. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ini, syarikat-syarikat haruslah menyambut baik peluang tersedia bagi menggerakkan transformasi digital dalam perniagaan. Sekiranya aktiviti perniagaan meningkat sebanyak 54 peratus seperti yang dijangka, syarikat-syarikat terutamanya PKS akan menjadi pendokong utama bagi memacu ekonomi pada tahun ini.
3. Sektor pembuatan adalah antara sektor utama yang memacu pertumbuhan KDNK Negara. Bermula ST3 2020, sektor ini telah mula mencatatkan pertumbuhan positif dan terus kukuh pada ST2 2021 dengan mencatatkan pertumbuhan 26.6 peratus.

<b>B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
<b>A. Subsektor Perdagangan Borong &amp; Runcit</b>			
1.	<b>Berita Harian</b> 1 September 2021 ( <i>non-essential</i> )	<p><b>Aktiviti perniagaan merosot enam bulan pertama 2021</b></p> <p>Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) dan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) mendapati indeks aktiviti perniagaan umum berada pada 65 mata, merosot mendadak di bawah nilai ambang tahap keyakinan iaitu 100 mata dan kurang 36 mata daripada separuh kedua 2020.</p> <p>Aktiviti perniagaan bagi separuh kedua 2021 dijangka kekal perlahan sebagaimana enam bulan pertama tahun ini dan Indeks untuk aktiviti perniagaan juga dijangka turun kepada 60 daripada 87 mata sebelumnya.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lainlain/2021/09/858649/aktiviti-perniagaan-merosot-enam-bulan-pertama-2021">https://www.bharian.com.my/bisnes/lainlain/2021/09/858649/aktiviti-perniagaan-merosot-enam-bulan-pertama-2021</a>
2.	<b>Berita Harian</b> 1 September 2021 ( <i>non-essential</i> )	<b>Carsome syarikat unicorn teknologi terbesar Malaysia</b>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/09/858662/carsome-syarikat-unicorn-teknologi-terbesar-malaysia">https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/09/858662/carsome-syarikat-unicorn-teknologi-terbesar-malaysia</a>

		<p>Carsome akan memantapkan fokus strategiknya terhadap pertumbuhan dan pengembangan perniagaan ke pelanggan (B2C). Tahun ini saja, Carsome membuka sekurang-kurangnya tujuh pusat runcit B2C yang dikenali sebagai 'Carsome Experience Centres' di seluruh Malaysia, Indonesia dan Thailand.</p> <p>Syarikat ini juga membuka pusat pemulihan kenderaan pertama di Malaysia untuk menambah rangkaian perkhidmatan runcit dan meningkatkan keyakinan pengguna terhadap kereta Carsome Certified. Carsome menjalankan urus niaga berkaitan pembiayaan untuk pembeli kereta dan peniaga kereta terpakai berjumlah lebih daripada 100,000 setahun yang diterjemahkan kepada hasil sekitar AS\$1 bilion.</p>	<a href="http://unicorn-teknologi-terbesar-malaysia">unicorn-teknologi-terbesar-malaysia</a>
3.	<b>Berita Harian</b> 1 September 2021 <i>(non-essential)</i>	<p><b>MR DIY dinobat antara syarikat terbaik Malaysia</b></p> <p>MR DIY Group (M) Bhd diiktiraf sebagai satu daripada empat penerima Anugerah Syarikat Pengurusan Terbaik Malaysia oleh Deloitte Private, kumpulan pakar antarabangsa yang menyediakan perkhidmatan nasihat kepada syarikat swasta, perniagaan keluarga dan individu. Anugerah itu mengiktiraf syarikat persendirian tempatan utama dengan pendapatan tahunan melebihi AS\$25 juta di atas kecemerlangan organisasi selain</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/09/858754/mr-diy-dinobat-antara-syarikat-terbaik-malaysia">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/09/858754/mr-diy-dinobat-antara-syarikat-terbaik-malaysia</a>

		sumbangan dalam industri masing-masing dan ekonomi.	
4.	<b>MalaysiaGazette</b> 1 September 2021 (essential)	<p><b>DASB jalin kerjasama dengan Grab lancar JMart</b></p> <p>DASB, anak syarikat Johor Corporation (JCorp) menjalinkan kerjasama dengan Grab Malaysia bagi memperkenalkan JMart – sebuah platform menggabungkan para peniaga di pasar Larkin Sentral di bawah satu bumbung. Pelancaran JMart, orang ramai khususnya para pelanggan tetap Pasar Larkin Sentral akan berterusan menikmati pelbagai pilihan barang basah segar dan keperluan runcit kegemaran dengan membuat pesanan menerusi aplikasi Grab.</p> <p>Inisiatif itu selaras dengan aspirasi digitalisasi syarikat dan pada masa yang sama menjadi nilai tambah dan medium platform jual beli terbaru yang berterusan kepada para peniaga</p>	<a href="https://malaysiagazette.com/2021/09/01/dasb-jalin-kerjasama-dengan-grab-lancar-jmart/">https://malaysiagazette.com/2021/09/01/dasb-jalin-kerjasama-dengan-grab-lancar-jmart/</a>
5.	<b>New Straits Times</b> 1 September 2021 (non-essential)	<p><b>Patrons steadily returning to malls</b></p> <p>Sunway Pyramid shopping centre in Bandar Sunway revealed a steady stream of patrons from the time the mall opened its doors. Sunway Malls and Theme Parks chief executive officer said public slowly returning to the mall after most traders and retailers had to close for about three months.</p> <p>There certainly is a sense of relief among traders and retailers now that they are allowed to reopen.</p>	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2021/09/723401/patrons-steadily-returning-malls">https://www.nst.com.my/news/nation/2021/09/723401/patrons-steadily-returning-malls</a>

		<p>The difference this time round is the inclusion of benefits for those who are fully vaccinated. This is a new addition to the existing standard operating procedures (SOP) under the National Recovery Plan.</p> <p>Sunway Malls has four shopping centres in the Klang Valley including Sunway Pyramid. There are three other malls in Johor and Penang.</p>	
<b>B. Subsektor Makanan &amp; Minuman</b>			
6.	<b>Berita Harian</b> 1 September 2021 <i>(essential)</i>	<b>RASA Food Arena Suria KLCC tidak lagi dibuka</b>  Medan selera RASA Food Arena di Suria KLCC ditutup bermula hari ini selepas 22 tahun beroperasi di menara ikonik itu. Ini diumumkan menerusi satu makluman bercetak di pintu masuk medan selera berkenaan.	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/858685/rasa-food-arena-suria-klcc-tidak-lagi-dibuka">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/858685/rasa-food-arena-suria-klcc-tidak-lagi-dibuka</a>
7.	<b>Utusan Malaysia</b> 2 September 2021 <i>(essential)</i>	<b>Makin ramai pilih dine-in</b>  Pelanggan restoran didapati sudah mula memilih untuk dine-in. Namun, mereka memilih tempat duduk yang terbuka yang diyakini lebih selamat daripada dijangkiti COVID-19 berbanding tempat tertutup.	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2021/09/makin-ramai-pilih-dine-in/">https://www.utusan.com.my/berita/2021/09/makin-ramai-pilih-dine-in/</a>
<b>Penemuan penting &amp; isu:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) dan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) mendapati indeks aktiviti perniagaan bagi separuh kedua 2021 dijangka kekal perlahan sebagaimana enam bulan pertama tahun ini.</li> <li>Carsome mengukuhkan kedudukannya sebagai syarikat pemula (unicorn) teknologi terbesar di Malaysia selepas mengumumkan penyelesaian dana</li> </ol>			

pusingan 'Series D2' bernilai AS\$170 juta dan menghasilkan penilaian harga syarikat itu kepada AS\$1.3 bilion.

3. MR DIY Group (M) Bhd diiktiraf sebagai satu daripada empat penerima Anugerah Syarikat Pengurusan Terbaik Malaysia oleh Deloitte Private.
4. Orang ramai khususnya para pelanggan tetap Pasar Larkin Sentral akan berterusan menikmati pelbagai pilihan barang basah segar dan keperluan runcit kegemaran dengan membuat pesanan menerusi aplikasi Grab.
5. *People slowly returning to the mall after most traders and retailers had to close for about three months.*
6. Pelanggan yang telah lengkap menerima dua dos vaksin sudah mula memilih untuk *dine-in*, namun mereka masih berhati-hati dengan menjadikan tempat duduk yang terbuka sebagai pilihan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pembukaan semula pusat membeli-belah menarik perhatian pelanggan untuk mula mengunjungi pusat-pusat membeli-belah seterusnya akan merancakkan industri jualan runcit.
2. Kebenaran *dine-in* diharap akan memberi impak positif kepada pengusaha kedai makan. Pada suku kedua 2021, hasil subsektor makanan dan minuman turun kepada -6.5 peratus berbanding -6.0 peratus yang dicatatkan pada suku pertama 2021.

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Bernama</b> 2 September 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Shipping icon sets up LNG bunkering vessel business, eyes opportunities in the region</b>  The latest regulations on the Sulphur dioxide level for exhaust gas emissions from ships' engines has resulted in liquefied natural gas (LNG) becoming a viable alternative to traditional fuel, leading in an increase in dual-fuel vessels, which in turn generates demand for LNG	<a href="https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1998910">https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1998910</a>

	bunkering vessels around the world.  Aware of the trend and mismatch in LNG facility supply in the region, Malaysia's shipping icon has made a comeback and set up LNG Marine Sdn Bhd to meet the demand from both LNG producers and sellers.	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Peraturan terbaru mengenai tahap sulfur dioksida bagi pelepasan gas ekzos daripada enjin kapal telah menyebabkan gas asli cecair (LNG) menjadi *alternative berdaya maju* berbanding bahan api tradisional, membawa kepada peningkatan penggunaan kapal dwi bahan api, yang seterusnya menjana permintaan bagi kapal pengisian bahan api LNG di seluruh dunia. Menyedari akan trend itu dan ketidakpadanan dalam penawaran kemudahan LNG di rantau ini, tokoh perkapalan telah membuat kemunculan semula dan menubuhkan LNG Marine Sdn Bhd bagi menampung permintaan daripada pengeluar dan penjual LNG.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport gas asli cecair bagi Julai 2021 adalah RM3,208 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM822.0 juta atau 34.4 peratus bulan ke bulan. Eksport gas asli cecair menyumbang 56.8 peratus kepada keseluruhan eksport sektor perlombongan dan 3.3 peratus kepada keseluruhan nilai eksport.

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Malay Mail</b> 1 September 2021 (non-essential)	<b>The Ministry of Works (KKR) to focus on public infrastructure and recovery of construction industry</b>  The focus would continue to be on projects such as the Pan Borneo Sarawak and Pan Borneo Sabah as well as the Central Spine Road (CSR) apart from other road projects under its jurisdiction.	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/09/01/works-ministry-to-focus-on-public-infrastructure-recovery-of-construction-i/2002198">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/09/01/works-ministry-to-focus-on-public-infrastructure-recovery-of-construction-i/2002198</a>

2.	<b>Harakh Daily</b> 2 September 2021 <i>(non-essential)</i>	<b>IMF unjur ekonomi Malaysia 2022 berkembang 6.0 peratus</b>  Unjuran rasmi pertumbuhan ekonomi negara bagi 2021 diumumkan kerajaan pada Mac lepas ialah di antara 6.0 peratus hingga 7.5 peratus.	<a href="https://harakahdaily.net/index.php/2021/09/02/imf-unjur-ekonomi-malaysia-2022-berkembang-6-0-peratus/">https://harakahdaily.net/index.php/2021/09/02/imf-unjur-ekonomi-malaysia-2022-berkembang-6-0-peratus/</a>
3.	<b>The Edge</b> 1 September 2021 <i>(non-essential)</i>	<b>Manufacturing downturn moderates in August</b>  The Malaysian manufacturing sector reported a further lack of momentum during August, albeit with the downturn moderating compared to July.	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/manufacturing-downturn-moderates-august">https://www.theedgemarkets.com/article/manufacturing-downturn-moderates-august</a>
4.	<b>The Edge</b> 1 September 2021 <i>(non-essential)</i>	<b>Malaysian manufacturers expect weaker sales and higher cost ahead, says poll</b>  The challenging conditions faced by businesses currently are expected to continue into the second half of 2021 (2H2021) as the COVID-19 pandemic continues to cast uncertainties on the economy and prospects of businesses, according to the findings of the FMM-MIER Business Conditions Survey 1H2021 released today.	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/malaysian-manufacturers-expect-weaker-sales-and-higher-cost-ahead-says-poll">https://www.theedgemarkets.com/article/malaysian-manufacturers-expect-weaker-sales-and-higher-cost-ahead-says-poll</a>

Penemuan penting & isu:

1. *The ministry's management was asked to set key performance indicators (KPIs) in facilitating and ensuring the swift implementation of all projects in order to restore the country's economy as soon as possible.*
2. Unjuran kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi keseluruhan tahun 2021 disemak semula kepada antara 3.0 peratus hingga 4.0 peratus seperti yang diumumkan Bank Negara Malaysia (BNM) pada 13 Ogos 2021. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan ekonomi Malaysia

pada tahun 2022 berkembang sebanyak 6.0 peratus, manakala Bank Dunia pula sebanyak 5.0 peratus, iaitu kembali kepada trend pertumbuhan KDNK tahunan dalam tempoh pra-pandemik. Faktor-faktor lain yang mendorong pemulihan ekonomi Malaysia ialah peningkatan permintaan luar khususnya daripada rakan dagangan utama, pemulihan harga komoditi, peralihan kepada digitalisasi serta pelaksanaan projek infrastruktur dengan kesan pengganda yang tinggi.

3. *IHS Markit said businesses reported sustained reductions in both production levels and new orders as the latest rise in COVID-19 cases hampered output and sales across the sector, though both declined at the softest rates for three months. Moreover, the lack of demand pushed manufacturers to scale down workforces in August.*
4. *The poll revealed that business activity plummeted in 1H2021 amid a tightening of the COVID-19 lockdowns which put further strains on the manufacturing sector. According to the survey, the expected indexes for both local and export sales declined to 51 and 68, respectively, an implication that domestic and external demand will likely remain weak in the coming months as well.*

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Kementerian Kerja Raya (KKR) akan memberikan tumpuan kepada infrastruktur awam dan pemulihan industri pembinaan. Tumpuan akan terus diberikan kepada projek seperti Pan Borneo Sarawak dan Pan Borneo Sabah serta *Central Spine Road* (CSR), selain daripada projek jalan raya lain yang berada di bawah bidangnya. Sektor awam mendominasi subsektor kejuruteraan awam dengan sumbangan nilai kerja sebanyak 86.7 peratus daripada jumlah nilai kerja RM11.5 bilion bagi subsektor ini pada suku tahun kedua 2021.
2. Pada tahun 2021, semua sektor utama ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan positif kecuali sektor pembinaan dan pelancongan akibat pelaksanaan langkah kawalan pergerakan bagi membendung penularan COVID-19. Pertumbuhan separuh tahun 2021 bagi nilai kerja sektor pembinaan mencatatkan peningkatan 8.7 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2020 sementara pertumbuhan negatif dua angka (-10.1%) direkod pada suku kedua 2021 berbanding suku pertama 2021.
3. Pakar ekonomi menjangkakan ekonomi terutamanya sektor pembuatan akan lebih terkesan pada suku ketiga tahun 2021 berikutan peningkatan kes COVID-19 pada Ogos 2021. Nilai jualan mencatatkan peningkatan 33.9 peratus pada suku tahun kedua 2021 disebabkan *low base* pada suku tahun kedua 2020. Walau bagaimanapun, nilai jualan pada bulan Jun 2021

<p>mencatatkan peningkatan yang lebih perlahan 6.5 peratus berbanding 37.2 peratus pada Mei 2021.</p>			
E.	Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>NST Online</b> 2 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Latest interim earnings of Bursa's 30 key firms grow over 150pct Y-o-Y, taper Q-o-Q</b></p> <p>The aggregate reported earnings of Bursa Malaysia's FBM KLCI 30 constituents tapered 6.9 per cent quarter-on-quarter (Q-o-Q) to RM18.9 billion in the second quarter (Q2) of 2021. On a year-on-year (Y-o-Y) basis, FBM KLCI had grown 154.2 per cent due to low-base effect from the stricter Movement Control Order (MCO) 1.0 in Q2 2020.</p> <p>On the other hand, the aggregate normalised Q2 2021 earnings of FBM KLCI, after adjusting for non-operational items such as various impairments and foreign exchange (forex) translations by Tenaga Nasional Bhd, came in at RM19.8 billion. It was the highest ever (for second consecutive record quarter) in Q2 2021 mainly due to stellar performances (both Q-o-Q and Y-o-Y) notably by industrial, plantation and healthcare counters.</p>	<a href="https://www.nst.com.my/business/2021/09/723545/latest-interim-earnings-bursas-30-key-firms-grow-over-150pct-y-o-y-taper-q-o">https://www.nst.com.my/business/2021/09/723545/latest-interim-earnings-bursas-30-key-firms-grow-over-150pct-y-o-y-taper-q-o</a>

Penemuan penting & isu:

1. Pendapatan FBM KLCI 30 Bursa Malaysia dilaporkan merosot 6.9 peratus kepada RM18.9 bilion bagi suku tahun kedua 2021. Sementara itu berdasarkan tahun ke tahun, FBM KLCI telah meningkat 154.2 peratus disebabkan oleh kesan asas rendah sejak penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 yang ketat pada ST2 2020. Sebaliknya bagi pendapatan agregat FBM KLCI ST2

<p>2021 selepas diselaraskan bagi item bukan operasi, telah mencapai RM19.8 bilion pada suku tahun kedua 2021, tertinggi yang pernah direkodkan terutamanya disebabkan prestasi luar biasa oleh kaunter-kaunter perindustrian, perladangan dan penjagaan kesihatan.</p>			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p>			
<p>1. Indeks pasaran saham Bursa Malaysia bagi suku tahun kedua 2021 dilaporkan merosot 6.9 peratus berbanding suku sebelum ini. Namun, pada masa yang sama telah menunjukkan peningkatan sebanyak 154.2 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 disebabkan oleh kesan asas rendah sejak penguatkuasaan PKP 1.0. Perkara ini akan memberi kesan kepada penyusunan Statistik Imbalan Pembayaran khususnya akaun Kewangan. Pada suku tahun kedua 2021, akaun Kewangan berubah arah aliran kepada aliran keluar bersih sebanyak RM7.0 bilion berbanding aliran masuk bersih RM16.0 bilion pada suku sebelumnya.</p>			
F.	<b>Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Astro Awani</b> 1 Sept. 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p><b>Bayaran fasa 1 Bantuan Khas COVID-19 B40, M40 bermula 6, 9 September</b></p> <p>Pembayaran Fasa 1 bagi Bantuan Khas COVID-19 (BKC) akan dibuat secara berperingkat mulai 6 September, 2021 bagi penerima B40 dan 9 September, 2021 bagi penerima M40, kata Menteri Kewangan.</p> <p>Peruntukan itu melibatkan dana berjumlah RM3.1 bilion serta memanfaatkan 4.4 juta isi rumah, 1.1 juta warga emas yang bujang atau tiada pasangan dan 4.5 juta individu bujang.</p>	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayaran-fasa-1-bantuan-khas-covid19-b40-m40-bermula-6-9-sept-tengku-zafrul-317259">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayaran-fasa-1-bantuan-khas-covid19-b40-m40-bermula-6-9-sept-tengku-zafrul-317259</a>

2.	<p><b>The Sun Daily</b>            1 Sept. 2021  <i>(Non-essential)</i></p>	<p><b>Many job losses during COVID-19 pandemic likely permanent</b></p> <p>Many jobs lost during the COVID-19 pandemic may not be refilled when the economy reopens, even when the population is fully vaccinated, because of the much-changed employment landscape in the new norm.</p> <p>Many employers implemented automation and artificial intelligence (AI) in warehouses, grocery stores, call centres, and manufacturing plants to reduce workplace density and cope with surges in demand. As such, jobs in delivery, warehousing, and transportation may increase as a result of the growth in e-commerce and the delivery economy.</p> <p>The IR 4.0's adoption is to ensure business continuation should another pandemic happen. At the initial stage, usually in the first and second year, it is costly to go for automation. But in the long run, it saves more, depending on the industry, the operational cost can save between 20% to 50%. Also, it improves productivity and commits to the delivery schedule.</p>	<p><a href="https://www.thesundaily.my/business/man-y-job-losses-during-covid-19-pandemic-likely-permanent-NY8274249">https://www.thesundaily.my/business/man-y-job-losses-during-covid-19-pandemic-likely-permanent-NY8274249</a></p>
----	---	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Pembayaran Fasa 1 bagi Bantuan Khas COVID-19 (BKC) akan dibuat secara berperingkat bagi penerima B40 dan M40 mulai 6 dan 9 September 2021. Peruntukan melibatkan dana berjumlah RM3.1 bilion serta memanfaatkan 4.4 juta isi rumah, 1.1 juta warga emas yang bujang atau tiada pasangan dan 4.5 juta individu bujang.

2. Kehilangan pekerjaan semasa pandemik COVID-19 mungkin tidak dapat dipulihkan apabila ekonomi dibuka semula, walaupun penduduk divaksin sepenuhnya. Ramai majikan melaksanakan automasi dan kecerdasan buatan (AI) di gudang, kedai runcit, pusat panggilan, dan kilang pembuatan untuk mengurangkan kepadatan tempat kerja dan memenuhi lonjakan permintaan. Justeru, pekerjaan dalam penghantaran, pergudangan, dan pengangkutan dijangka meningkat ekoran pertumbuhan e-dagang. Peralihan IR4.0 meningkatkan produktiviti, di samping memberi penjimatan kepada kos operasi antara 20 peratus hingga 50 peratus.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Pelbagai insentif kerajaan diberikan kepada rakyat bagi membantu kelangsungan hidup yang terjejas akibat COVID-19, antaranya lapan pakej rangsangan ekonomi pada tahun 2020 dan 2021. Pembayaran Fasa 1 bagi Bantuan Khas COVID-19 dapat meringankan beban perbelanjaan dan kos sara hidup terutama kepada 7.61 juta penduduk luar bandar dengan sebahagian besarnya tergolong dalam B40 dan M40. Selain itu, penyaluran bantuan tunai tersebut dapat meningkatkan perbelanjaan boleh guna isi rumah serta dijangkakan akan merangsang permintaan domestik negara.
2. Pendigitalan operasi perniagaan mendorong kepada landskap pekerjaan dalam norma baharu. Majikan memanfaatkan transformasi teknologi melalui peralihan daripada sistem operasi konvensional kepada e-dagang. Berikutan daripada itu, peluang pekerjaan bagi aktiviti yang melibatkan e-dagang akan terus meningkat. Berdasarkan dapatan Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan, pendapatan e-dagang bagi suku tahun kedua 2021 merekodkan sebanyak RM267.6 bilion, meningkat 5.1 peratus berbanding suku tahun sebelumnya. Sementara itu, bagi perbandingan tahunan, jumlah pendapatan e-dagang juga meningkat pada kadar 23.3 peratus.

G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>The Star</b> 01 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Aluminium prices lifted to 10-year high by China concerns</b></p> <p>Aluminium prices hit their highest in more than 10 years on Tuesday as smelters in top producer China faced tougher power controls, stoking supply worries for the energy-intensive metal.</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/09/01/aluminium-prices-lifted-to-10-year-high-by-china-concerns">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/09/01/aluminium-prices-lifted-to-10-year-high-by-china-concerns</a>

		The region is China's third-biggest producer of alumina, a primary product of aluminium, with output of 925,500 tonnes in July, according to the National Bureau of Statistics.	
2.	<b>Harian Metro</b> 01 September 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Harga RON95, RON97, diesel kekal</b>  Harga runcit petrol RON95, RON97 serta diesel kekal, masing-masing pada paras RM2.05, RM2.72 dan RM2.15 seliter, bagi tempoh bermula esok hingga 8 September ini.	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/749687/harga-ron95-ron95-diesel-kekal">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/749687/harga-ron95-ron95-diesel-kekal</a>
3.	<b>Berita Harian</b> 01 September 2021 <i>(Essential)</i>	<b>BKC beri manfaat 7.61 juta penduduk luar bandar</b>  Pembayaran Bantuan Khas COVID-19 (BKC) bermula Isnin ini akan memberi manfaat kepada 7.61 juta penduduk luar bandar dengan sebahagian besarnya tergolong dalam kalangan miskin tegar, B40 dan M40.	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/858748/bkc-beri-manfaat-761-juta-penduduk-luar-bandar">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/858748/bkc-beri-manfaat-761-juta-penduduk-luar-bandar</a>
4.	<b>Berita Harian</b> 01 September 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Kerajaan jamin bantuan berterusan untuk rakyat, perniagaan</b>  Kementerian Kewangan (MoF) akan terus memastikan penyaluran bantuan dan manfaat kepada rakyat dan perniagaan yang terkesan penularan COVID-19 diteruskan. Ia sejajar dengan fokusnya untuk menjamin kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi. Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/858710/kerajaan-jamin-bantuan-berterusan-untuk-rakyat-perniagaan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/858710/kerajaan-jamin-bantuan-berterusan-untuk-rakyat-perniagaan</a>

		Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata kementeriannya sentiasa memantau pelaksanaan Belanjawan 2021 dan pakej rangsangan dan bantuan menerusi Agensi Pelaksanaan Ekonomi Dan Koordinasi Strategik Nasional (LAKSANA).	
5.	<b>Berita Harian</b> 01 September 2021 <i>(Essential)</i>	<b>MAINS bantu B40 selesai tunggakan sewa, ansuran rumah</b>  Kesukaran golongan B40 di negeri ini untuk melunaskan tunggakan sewa dan ansuran rumah serta bil utiliti mendapat pembelaan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). MAINS telah menyelesaikan 57 permohonan membabitkan bantuan bernilai RM97,764 dalam tempoh dua bulan mulai Jun lalu.	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/858486/mains-bantu-b40-selesai-tunggakan-sewa-ansuran-rumah">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/858486/mains-bantu-b40-selesai-tunggakan-sewa-ansuran-rumah</a>
6.	<b>Reuters</b> 02 September 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Oil steadies; OPEC+ sticks to gradual output hikes</b>  Oil prices steadied on Wednesday after OPEC and its allies agreed to stick to their existing policy of gradual oil output increases.  Brent crude fell 4 cents to settle at \$71.59 a barrel. U.S. West Texas Intermediate (WTI) crude rose 9 cents to settle at \$68.59 a barrel. Brent had plumbed a session low of \$70.42 a barrel, while WTI fell as low as \$67.12 a barrel.	<a href="https://www.reuters.com/business/energy/oil-steady-ahead-opec-supply-decision-2021-09-01/">https://www.reuters.com/business/energy/oil-steady-ahead-opec-supply-decision-2021-09-01/</a>

Penemuan penting & isu:

1. Harga aluminium mencecah paras tertinggi dalam lebih dari 10 tahun pada hari Selasa sehingga menimbulkan keimbangan. Pada hari Isnin, Pemerintah di wilayah Guangxi China, sebuah pusat pengeluaran

aluminium dan alumina, meminta kawalan yang lebih ketat terhadap penggunaan tenaga dalam satu kenyataan yang dikeluarkan.

2. Harga runcit petrol RON95, RON97 serta diesel kekal, masing-masing pada paras RM2.05, RM2.72 dan RM2.15 seliter, bagi tempoh bermula esok hingga 8 September ini. Kerajaan mengekalkan harga siling RON95 dan diesel sungguhpun harga pasaran sebenar bagi kedua-dua produk telah meningkat, melebihi harga siling yang ditetapkan.
3. Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berharap menerusi pembayaran bantuan ini, ia mampu memberi kelegaan dan meringankan beban perbelanjaan dan kos sara hidup kepada penerimanya. Kementerian Pembangunan Luar Bandar amat memahami kesukaran dihadapi penduduk dan telah membuat penilaian kerosakan melibatkan 40 buah rumah yang didiami penduduk di kawasan terbabit.
4. Fokus utama Kementerian Kewangan (MoF) adalah untuk memastikan kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi.
5. Keutamaan dalam bantuan yang diberikan oleh MAINS ini akan diberi kepada permohonan bantuan keperluan asas bagi memastikan tiada yang terputus bekalan makanan.
6. Minyak mentah Brent turun 4 sen kepada AS \$71.59 setong. Minyak mentah West Texas Intermediate (WTI) A.S. naik 9 sen kepada AS \$68.59 setong. Walaupun kesan pandemik COVID-19 terus menimbulkan ketidakpastian, asas pasaran telah menguat dan stok OECD terus jatuh ketika pemulihannya semakin cepat.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan persekutuan dan negeri menyediakan pelbagai bantuan, subsidi dan inisiatif bagi membantu dan mengurangkan beban rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan perbelanjaan isi rumah, kumpulan pendapatan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES dan juga kajian pemetaan program bantuan dalam pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS).
2. Harga runcit mingguan bagi bahan api RON97, RON95 dan Diesel yang tidak berubah bermula 3hb hingga 8hb September 2021 dijangka akan merendahkan harga purata bulanan september bahan api ini dan sekali gus meredakan inflasi September 2021 bagi kumpulan Pengangkutan

<p>terutamanya bagi subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian. Pada Julai 2021, inflasi subkumpulan ini meningkat kepada 14.3 peratus dengan purata harga RON 97 pada Julai 2021 adalah RM 2.72 berbanding RM1.99 pada Julai 2020. Manakala purata harga RON 95 dan Diesel masing-masing mencatatkan RM2.05 (Julai 2020: RM1.169) dan RM2.15 (Julai 2020: RM1.85).</p> <p>3. IHPR bagi komoditi aluminium pada September 2021 dijangka akan terus berada pada paras positif berikutan kenaikan harga yang berterusan. Pada Julai 2021, IHPR bagi komoditi ini mencatatkan pertumbuhan 0.7 peratus bulan ke bulan, menandakan prestasi indeks pada bulan ke-6 berada di paras positif.</p>			
<b>H.</b>	<b>Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Astro Awani</b> 02 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<b>COVID-19: 20,988 kes baharu hari ini, kumulatif kes 1,786,004</b>  Sebanyak 20,988 kes baharu COVID-19 dilaporkan pada Khamis, meningkat berbanding 18,762 semalam.	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-20988-kes-baharu-hari-ini-kumulatif-kes-1786004-kp-kesihatan-317435">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-20988-kes-baharu-hari-ini-kumulatif-kes-1786004-kp-kesihatan-317435</a>
2.	<b>Astro Awani</b> 01 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<b>COVID-19: 64.2 peratus populasi dewasa lengkap vaksinasi</b>  Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) terus menunjukkan perkembangan memberangsangkan apabila sebanyak 64.2 peratus atau lebih 15.03 juta individu daripada populasi dewasa di seluruh negara sudah lengkap menerima dua dos vaksin COVID-19 setakat Selasa.	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-642-peratus-populasi-dewasa-lengkap-vaksinasi-ikjav-317117">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-642-peratus-populasi-dewasa-lengkap-vaksinasi-ikjav-317117</a>

## Penemuan penting & isu:

1. Angka terbaharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif di negara ini sebanyak 1,786,004. Daripada jumlah kes baharu, Selangor merekodkan penyumbang tertinggi kes iaitu 4,073 meningkat berbanding 3,711 kes semalam. Manakala empat negeri mencatatkan angka kes lebih 2,000 iaitu Sarawak (2,992); Kedah (2,455); Sabah (2,329) dan Johor 2,145 kes baharu. Ia diikuti Pulau Pinang dengan 1,600 kes; Kelantan (1,247); Perak (990); Terengganu (987); Kuala Lumpur (731); Pahang (599) dan Melaka 407 kes. Sementara Perlis dan Putrajaya merekodkan kes baharu dua angka iaitu masing-masing 90 kes dan 37 kes manakala Labuan, hanya lima kes baharu dicatatkan pada Selasa.
2. Penerima dos pertama daripada golongan dewasa pula adalah sebanyak 84.3 peratus atau lebih 19.74 juta orang, menurut Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) menerusi perkongsian infografik di Twitter. Bagi keseluruhan populasi rakyat Malaysia pula, sebanyak 46 peratus sudah lengkap divaksinasi, manakala 60.5 peratus lagi sudah mendapatkan suntikan dos pertama.

## Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah:
  - Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian);
  - Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan;
  - Sebanyak 3,898 kematian akibat COVID-19 direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu.
  - Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun.
  - Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian.

Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada

<p>2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).</p>			
I.	<b>Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Harian Metro</b> 31 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>Telefon pintar hanya RM1</b></p> <p>Celcom menawarkan pakej hebat terbaru melalui tawaran Pakej Peranti RM1 Malaysia Prihatin yang memberikan telefon pintar 4G pada harga RM1.</p> <p>Pakej Peranti RM1 ini turut disertakan pelan pascabayar MEGA™ dengan kontrak selama 24 bulan. Telefon pintar yang ditawarkan Celcom ini adalah daripada jenama terkenal dan bernilai antara RM1,000 hingga RM2,000 namun ditawarkan pada harga istimewa iaitu RM1.</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/749044/telefon-pintar-hanya-rm1">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/749044/telefon-pintar-hanya-rm1</a>
2.	<b>Berita Harian</b> 31 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>Ambil vaksin sebagai ikhtiar</b></p> <p>Warga sekolah termasuk pelajar disarankan mengambil suntikan vaksin sebelum sesi persekolahan dibuka Oktober ini dalam usaha membendung jangkitan COVID-19.</p> <p>Pengambilan vaksin untuk pelajar tidak wajib berikutan tiada undang-undang atau dasar menyatakan mereka wajib mendapatkannya. Walau bagaimanapun, pengambilan vaksin dilihat satu ikhtiar berikutan sekolah adalah kawasan tumpuan yang dihadiri guru dan pelajar dalam</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/858232/ambil-vaksin-sebagai-ikhtiar">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/858232/ambil-vaksin-sebagai-ikhtiar</a>

		menjalankan tanggungjawab masing-masing.	
3.	<b>Berita Harian</b> 01 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>Vaksin kepada kanak-kanak: KKM belum ada keputusan</b></p> <p>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih belum memuktamadkan keputusan untuk memberikan vaksin kepada kanak-kanak bawah usia 12 tahun.</p> <p>Kajian sedang dijalankan Agensi Pengawalseliaan Farmaseutikal pelbagai negara termasuk Agensi Perundangan Perubatan dan Penjagaan Kesihatan (MHRA) United Kingdom (UK), Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan Amerika Syarikat (FDA) dan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) di negara ini.</p> <p>Sebaik sahaja memperoleh data lengkap yang menyokong bahawa pemberian vaksin terhadap kanak-kanak adalah selamat, perkara tersebut akan dibawa kepada jawatankuasa kerja pakar vaksinasi untuk dipertimbangkan dan seterusnya keputusan mengenainya akan dibuat.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/8587971/vaksin-kepada-kanak-kanak-kkm-belum-ada-keputusan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/8587971/vaksin-kepada-kanak-kanak-kkm-belum-ada-keputusan</a>
<b>Penemuan penting &amp; isu:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Celcom menawarkan pakej hebat terbaharu melalui tawaran Pakej Peranti RM1 Malaysia Prihatin yang memberikan telefon pintar 4G pada harga RM1.</li> <li>2. Warga sekolah termasuk pelajar disarankan mengambil suntikan vaksin sebelum sesi persekolahan dibuka Oktober ini dalam usaha membendung jangkitan COVID-19.</li> </ol>			

3. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih belum memuktamadkan keputusan untuk memberikan vaksin kepada kanak-kanak bawah usia 12 tahun.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Pakej Peranti RM1 Malaysia Prihatin akan meringankan beban golongan ibu bapa terutamanya dari golongan B40 yang memerlukan telefon pintar bagi anak mereka mengikuti Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR). Selain itu, Bantuan Khas COVID-19 (BKC) juga adalah antara inisiatif kerajaan untuk membantu meringankan beban golongan B40 ketika pandemik ini. Berdasarkan MyLocal Stats 2019 dan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, had pendapatan bagi kumpulan B40 pada tahun 2019 yang merangkumi 2.91 juta isi rumah adalah RM4,849.
2. Warga sekolah terutamanya guru haruslah mendapatkan vaksin sebelum pembukaan semula sekolah bagi membendung penularan wabak COVID-19. Merujuk kepada My Local Stats 2019, bilangan guru sekolah rendah kerajaan dan menengah kerajaan di Malaysia pada 2019 masing-masing merekodkan 235,987 orang dan 180,572 orang.
3. Kanak-kanak adalah golongan yang masih belum layak untuk diberikan vaksin COVID-19 dan berisiko untuk dijangkiti wabak berkenaan. Sehubungan dengan itu, ibu bapa adalah dinasihatkan memainkan peranan untuk memastikan persekitaran anak mereka sentiasa berada dalam keadaan selamat. Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak 2020, anggaran bilangan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah adalah sebanyak 9,247.5 ribu orang.

J.	<b>Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Harian Metro Online</b> 01 September 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Patin sudah tua, mungkin terus 'berkubur' dalam sungai</b>  Patin diternak dalam sangkar mungkin 'berkubur' dalam sungai kerana melebihi usia matang, malah ada yang berumur lebih setahun menyebabkannya sukar dipasarkan.	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/749531/patin-sudah-tua-mungkin-terus-berkubur-dalam-sungai">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/749531/patin-sudah-tua-mungkin-terus-berkubur-dalam-sungai</a>

**Penemuan penting & isu:**

1. Kerugian besar dan tidak pulang modal selepas patin gagal untuk dipasarkan sejak awal tahun ini disebabkan oleh sekatan rentas daerah dan negeri yang dikuatkuasakan. Sebelum PKP, mereka mampu memasarkan kira-kira dua tan patin pada setiap minggu untuk pengusaha restoran di Kuala Lipis, Jerantut selain pemborong dari Lembah Klang. Sejak PKP Mei lalu, mereka hanya dapat memasarkan kira-kira 200 kilogram (kg) patin seminggu kepada penduduk kawasan kampung berdekatan dan tidak dapat pulangan modal. Tambahan itu pula, mereka menggunakan wang simpanan untuk membeli 60 hingga 70 beg makanan ikan sehari. Patin yang ada pula seberat lebih dua kilogram sedangkan pasaran hanya mahukan patin yang seberat satu hingga 1.5 kg saja.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Pelaksanaan PPN telah mengganggu rantaian pasaran akuakultur negara kerana hasil tuaian ikan tidak dapat dipasarkan secara meluas untuk sampai kepada pembekal dan pengguna. Berdasarkan penerbitan Perangkaan Perikanan oleh Jabatan Perikanan, pendaratan ikan patin pada 2020 merekodkan 105.53 tan metrik berbanding 114.03 tan metrik pada 2019.